

Tidak perlu **debat**

■ **ROBIATULADAWIYAH**
ABD RASHAD

KUALA LUMPUR - Debat antara Presiden 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy dan wakil pembangkang tidak perlu diadakan jika Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) segera selesaikan siasatan mereka terhadap syarikat itu.

Ketua Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood berkata, faktor yang mendorong debat itu kerana rakyat menantikan jawapan lebih jelas daripada pihak terlibat dalam siasatan.

Menurut beliau, sekiranya debat itu masih diteruskan tidak banyak maklumat mampu diperoleh orang ramai kerana terikat dengan faktor siasatan.

"Saya rasa debat itu tidak



NIK AHMAD KAMAL

perlu diteruskan kerana sudah pasti ada fakta-fakta yang tidak boleh didedahkan kerana mengganggu proses siasatan.

"Kalau debat itu masih diteruskan ia akan menjadi medan untuk menunjukkan siapa lebih handal berdebat dan akhirnya tidak memberi apa-apa faedah," katanya.

Sehubungan itu, katanya, lebih baik PAC tidak melengahkan prosiding mereka terhadap 1MDB dan segera

membentangkan laporan itu di Parlimen.

Jelasnya, badan berkuasa lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan polis perlu selesaikan siasatan dengan segera.

"1MDB ialah isu besar negara melibatkan wang berbilion ringgit. Setakat ini, penerangan diberikan masih belum memuaskan kerana seperti ada halangan kepada Jawatankuasa Khas yang dibentuk sebelum ini.

"Sekarang PAC, Bank Negara, SPRM dan polis menyiasat hal yang sama. Jika debat itu hanya boleh bercakap mengenai hal yang sudah diketahui umum, rasanya tidak memberi faedah," katanya.

Semalam, Arul Kanda membatalkan niat berdebat secara langsung susulan pembangkang menukar calon pendebat kepada Ahli Parlimen Pandan, Mohd Rafizi Ramli.